

ILBMB mampu lahir Melayu baru

UM 1 111 0001

Oleh RADZUAN HASSAN

SHAH ALAM 30 Jun — Institut Latihan Budaya Melayu Baru (ILBMB) diharap akan menjadi pusat latihan yang mampu melahirkan generasi muda yang dapat menyelesaikan masalah bangsa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, selain itu ILBMB juga perlu menjadi tempat menyelesaikan segala masalah yang dihadapi oleh orang Melayu secara efektif.

“Ta perlu bagi mengenal pasti masalah-masalah orang Melayu dan dapat mengatasinya termasuk melahirkan minat generasi

muda menyertai UMNO,” ujarnya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen UMNO Selangor Ke-10 di Hotel Grand Blue Wave di sini, hari ini.

Penghormatan

Turut hadir ialah Naib Presiden UMNO yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib, Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob dan Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo.

Terdahulu, dalam majlis yang sama, Dr. Mahathir yang juga

Presiden UMNO diberi penghormatan untuk menamakan pusat latihan yang bakal dibina di tapak Kern Tun Ghafar Baba di Gombak dengan nama ILBMB.

Dr. Khir dalam ucapannya berkata, projek ILBMB akan dibina di kawasan seluas 16 hektar dan kerja-kerja pembinaannya akan bermula Ogos ini dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Februari depan.

Menurut Dr. Khir, kerajaan negeri meluluskan projek bagi pusat latihan itu setelah mendapat cadangan dari parti di peringkat negeri selain menganggapnya sebagai tanggungjawab kepada bangsa, agama dan negara.